

NO. SOALAN : 79

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 10 JUN 2014

RUJUKAN : 6824

SOALAN:

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan butir-butir bagi negeri Sabah bagi tempoh dari 1963 sehingga 2013 berhubung dengan bilangan kelahiran, bilangan kad pengenalan yang dikeluarkan, bilangan kematian dan bilangan penduduk Sabah yang direkodkan setiap tahun bagi tempoh berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut rekod Kementerian Dalam Negeri (KDN), jumlah kelahiran dan kematian yang berdaftar di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Negeri Sabah sehingga tahun 2013 adalah sebanyak 2,149,833 kelahiran dan 152,652 kematian.

Manakala jumlah pengeluaran Kad Pengenalan Biru bertaraf Warganegara Malaysia (MyKad) sehingga tahun 2013 bagi permohonan kali pertama mengikut kelahiran di negeri Sabah adalah sebanyak 1,724,980 keping.

KDN melalui JPN hanya menyimpan rekod individu yang mendaftar di JPN bagi urusan Kelahiran, Kematian, Pengangkatan, Kad Pengenalan, Kewarganegaraan, Perkahwinan dan Perceraian (bagi yang bukan Islam). Oleh itu, Kementerian ini tidak mempunyai rekod mengenai bilangan penduduk di negeri Sabah bagi tempoh yang berkenaan dan bolehlah dirujuk kepada pihak yang berkaitan jua.